


# Kempen Keselamatan Jalan Raya

Oleh: Salbinous Saribun




Pelbagai usaha dijalankan oleh pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam usaha untuk menjaga kebajikan dan keperluan para pelajar dan kakitangannya.

Pada 05 Februari 2010, UMS melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), telah mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Program Penggalakan Pemakaian Topi Keledar bertempat di Dewan Resital kampus universiti tersebut. Kempen itu yang dihadiri hampir 500 orang pelajar dan kakitangan UMS telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, Datuk Abdul Rahim Bakri.

Berucap pada majlis itu beliau berkata, setiap pengguna jalan raya perlu memandu secara berhemah dengan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Tambah beliau, teknik pemanduan yang cermat serta pemakaian alat-alat keselamatan seperti tali pinggang keledar dan topi keledar bagi penunggang motosikal juga mampu mengurangkan kadar risiko yang lebih teruk di kalangan pengguna jalan raya.

"Ini kerana setiap tahun hampir 7,000 kematian dicatatkan dengan peratusan tertinggi angka kematian adalah di kalangan penunggang motosikal iaitu sebanyak 60 peratus," katanya.



Beliau berkata, daripada jumlah itu, kebanyakannya mereka yang maut adalah golongan muda. Justeru beliau berkata, adalah menjadi satu kerugian untuk negara jika untuk kehilangan generasi ini pada usia yang masih muda kerana mereka inilah yang bakal mewarisi kepimpinan negara di masa hadapan.

Sehubungan itu beliau menyeru agar seluruh warga UMS khususnya kepada para pelajar yang menunggang motosikal agar sentiasa berhati-hati dan mengamalkan peraturan keselamatan termasuk pemakaian topi keledar dengan betul.

"Ramai yang alpa dan memakai topi keledar dengan sambil lewa. Itulah antara punca utama kemalangan maut yang sering dihadapi oleh penunggang motosikal. Kadang-kadang ada yang tidak memasang tali dengan sempurna dan ada pula yang memakai topi keledar yang tidak mengikut piawaian SIRIM" tambahnya lagi.

Pada program itu beliau turut menyampaikan 300 buah topi keledar kepada para pelajar UMS. Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Hj. Kasim. Hj. Md. Mansur dan Pengarah JKJR Sabah, Herdianshah Abdul Karim.